## PEMOHONAN PENGECUALIAN PROVISIONAL

**Dokumen yang perlu disertakan:**

| **SENARAI SEMAK UNTUK DIISI OLEH PEMOHON (Sila tandakan)** | Ada | Tiada | **KEGUNAAN PEJABAT** |
|---|---|---|---|
| 1. Surat Permohonan untuk minta pengecualian<br>*Application letter for exemption* | ☐ | ☐ | Tarikh Terima |
| 2. 2 set salinan Ijazah yang telah disahkan./ transkrip atau surat pengesahan LULUS dari Universiti<br>*2 certified copies of degree/ transcript or letter of confirmation from university* | ☐ | ☐ | Ya / Tidak |
| 3. Pengesahan tamat menjalani latihan dari Lembaga Farmasi di luar negara<br>*Approval of training from overseas Pharmacy Board* | ☐ | ☐ | Lengkap ☐ ☐<br>Diproses ☐ ☐ |
| 4. Sijil Pendaftaran Ahli Farmasi di luar negara<br>*Certificate of registration from overseas Pharmacy Board* | ☐ | ☐ | Dikembalikan ☐ ☐ |
| 5. Salinan Kad Pengenalan/Sijil Beranak<br>*Certified copy of Identity Card/ Birth Certificate* | ☐ | ☐ | |

**NOTA:**

1. Salinan dokumen, sijil-sijil, ijazah yang ada berkaitan hendaklah disahkan oleh **Ahli Farmasi Berdaftar** di Malaysia atau **Pengamal Perubatan Berdaftar** di Malaysia dengan mencatatkan **Nombor Pendaftaran** dan **Pengekalan Amalan Tahunannya.** Pengesahan dari Pegawai Kumpulan 1, Majistret, Jaksa Pendamai atau Pesuruhjaya Sumpah juga boleh diterima.
   *All documents must be certified by a Malaysian registered Pharmacist or Malaysian Registered Doctor stated their registration no. and annual retention no. Division 1 Government Officer, Magistrate, Justice of Peace or Commission of Oath can also be accepted*

# PENDAFTARAN BERSYARAT

# (PROVISIONAL REGISTRATION)

## NOTA UNTUK PEMOHON

Ada 2 kategori yang perlu memohon untuk Pendaftaran Bersyarat (Provisional) :

**1. Mereka yang baru selesai pengajian di mana-mana universiti yang diiktiraf oleh Lembaga Farmasi bermula dari 2 September 2004 dan seterusnya**.

Untuk golongan ini, mereka perlu mengisi Borang SPA 8 dan mendapatkan surat lantikan dari JPA sebelum mengisi **Borang Pendaftaran Bersyarat(Provisional)** yang boleh didapati dari Bahagian Perkhidmatan Farmasi.

**2. Mereka yang memulakan latihan 'housemanship' DAN telah berdaftar sebagai Ahli Farmasi di luar negara (negara-negara yang diiktiraf oleh Lembaga Farmasi Malaysia) bermula pada 2 September 2004 dan seterusnya.**

Untuk golongan ini, mereka hanya akan dikecualikan dari menjalani latihan provisional. Tetapi mereka perlu menulis surat kepada Lembaga Farmasi untuk minta pengecualian 1 tahun provisional dengan menyertakan dokumen-dokumen yang berkaitan yang ada pada senarai semak *Permohonan Pengecualian Provisional*. Berikut ialah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh mereka yang termasuk dalam kategori ini :

***a.*** Membuat Permohonan secara bertulis kepada Lembaga Farmasi untuk dikecualikan dari Provisional dengan menyertakan dokumen-dokumen seperti di senarai s**emak *Permohonan Pengecualian Provisional***

**b.** Setelah permohonan dipertimbangkan dan dipersetujui, satu **Sijil Pengecualian Daripada Pekerjaan Sebagai Ahli Farmasi di bawah Subseksyen 6A (7) Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951( Borang 4) akan dikeluarkan kepada individu.**

c. Calon perlu mengisi **borang SPA 8** dan mendapatkan surat lantikan dari SPA. Kemudiannya dengan surat lantikan dan **Sijil Pengecualian** di para (b) di atas. calon perlu mengisi **Permohonan Pendaftaran Provisional** dengan menyertakan maklumat seperti yang ada disenarai semak pada Permohonan Pendaftaran Bersyarat (Provisional).

**d.** Setelah mengisi **borang Pendaftaran Bersyarat (Provisional), Sijil Pendaftaran Bersyarat akan dikeluarkan dan sijil ini diperlukan untuk memohon Pendaftaran Penuh ( Borang 5). Setelah berdaftar dengan Pendaftaran Penuh, Sijil Pendaftaran Penuh akan dikeluarkan bersama dengan notis yang menghendaki ahli farmasi Berdaftar berkhidmat dengan Kerajaan yang tempohnya tidak melebihi dari 3 tahun .**

## PANDUAN UNTUK PEMOHON

1. Borang yang diisi lengkap/ atau sebarang Permohonan bertulis hendaklah dihantar kepada :

Secara pos:

**Bahagian Perkhidmatan Farmasi**

**Kementerian Kesihatan Malaysia**

**Beg Berkunci No : 924**

**Pejabat Pos Jalan Sultan**

**46790 PETALING JAYA**

Hantar sendiri;

**Bahagian Perkhidmatan Farmasi**

**Kementerian Kesihatan Malaysia**

**Jalan Universiti,**

**46350 PETALING JAYA**

2. Borang-borang boleh diperolehi daripada :

   i. Bahagian Perkhidmatan Farmasi (seperti alamat di atas)
   ii. Laman web Bahagian Perkhidmatan Farmasi iaitu www.pharmacy.gov.my

3. Sebarang pertanyaan boleh diajukan dengan menulis kepada Bahagian Perkhidmatan Farmasi atau menghubungi nombor-nombor berikut : **03-79682223, 03-79682237 atau 03- 79682241**